KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

# K@MPoI

**Kedah Academic Master Plan of Intervention**

## Pendidikan Moral

*Kebersamaan Memacu Pendidikan Kedah*

PENYELARAS:

1.ENCIK AHMAD SALEHEE BIN ABDUL

PENOLONG PENGARAH SAINS SOSIAL,
SEKTOR PEMBELAJARAN, JPN KEDAH

2.ENCIK JUNID BIN MAHMOOD

SISC+ SAINS SOSIAL, PPD KULIM BANDAR BAHARU

| PANEL PEMBINA MODUL K@MPol PENDIDIKAN MORAL | | |
|---|---|---|
| 1. | MUGILISWARY A/P MURUGAYA | SMK PADANG SERAI |
| 2. | SARADZIANA BINTI SALEHUDDIN | SMK SULTAN BADLISHAH |
| 3. | KAMALADEVI A/P PONNIAH | SMK LUNAS |
| 4. | NABILAH BINTI MOHAMED NOR | SMK DATO' LELA PAHLAWAN |
| 5. | NURUL SHUHAIDA BINTI YAAFFAR | SMK SERDANG BARU |
| 6. | SUZITA BINTI MD RODZI | SMK AIR MERAH |
| 7. | ROHANA BINTI CHE RUS | SMK PADANG SERAI |
| 8. | NALYNEE A/P ATHANARI | SMK AIR MERAH |
| 9. | SIVAKUMAR A/L KRISHNAN | SMK SUNGAI KARANGAN |
| 10. | SHASARINA BINTI SALLEH | SMK SULTAN AHMAD TAJUDDIN |

# Kandungan


| TINGKATAN 4 | | |
|---|---|---|
| **SOALAN** | **TAJUK** | **MUKA SURAT** |
| 6. | Unit 8: Hak dan Tanggungjawab Warganegara | 4 - 5 |
| 7. | Unit 10: Pengurusan Perbelanjaan Secara Beretika | 6 - 7 |
| 8. | Unit 11: Keunikan Rakyat Malaysia | 8 - 10 |
| 9. | Unit 12: Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama | 11 - 14 |
| | Peraturan Pemarkahan Tingkatan 4 | 15 - 23 |
| **TINGKATAN 5** | | |
| **SOALAN** | **TAJUK** | **MUKA SURAT** |
| 6. | Unit 4: Penggunaan Sumber dan Penyebaran Maklumat Demi Kesejahteraan Sejagat | 24 – 25 |
| 7. | Unit 8: Penglibatan Diri Peneraju Komuniti | 26 – 27 |
| 8. | Unit 9: Kerjasama Masyarakat Global | 28 – 30 |
| 9. | Unit 12: Malaysia dalam Hubungan Antarabangsa | 31 - 34 |
| | Peraturan Pemarkahan Tingkatan 5 | 35 - 41 |

**Bahagian B [10 *markah*]**

**Jawab soalan berikut.**

**Tingkatan 4: Unit 8**

6. Maklumat di bawah berkaitan dengan kejadian banjir di negara kita.

**Banjir Baling: 300 penduduk babitkan 75 keluarga terjejas**

BALING: Banjir kilat yang melanda sembilan kampung di Mukim Kupang petang semalam, menjejaskan sekurang-kurangnya 75 keluarga membabitkan 300 penduduk.

Penghulu Mukim Kupang, Badrul Hisham Che Li, berkata kampung terbabit Kampung Iboi, Lata Chelak, Padang Empang, Masjid Iboi, Bendang Padang, Bendang Bechah, Jerai, Hangus dan Bukit Hijau.

Beliau berkata, satu Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dibuka bagi menempatkan 19 keluarga daripada 58 mangsa yang terjejas teruk dalam banjir semalam.

Manakala penduduk yang lain berpindah ke rumah jiran dan air hanya masuk paras 0.5 meter sahaja dan surut sejam kemudian.

(Sumber: *Berita Harian, 29* Julai 2022)

Berdasarkan maklumat di atas, bagaimanakah cara anda membantu penduduk yang terjejas? [10 *markah*]

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

**Tingkatan 4: Unit 10**

7. Gambar di bawah ini berkaitan dengan gaya perbelanjaan masyarakat apabila menjelang hari perayaan.









Orang ramai berpusu-pusu mencari kelengkapan dan membeli barangan keperluan untuk persiapan sambutan hari perayaan.

Jelaskan kesan kepada individu dan negara sekiranya perbelanjaan tidak diuruskan secara beretika. [10 *markah*]

**Bahagian C [20 *markah*]**

**Jawab soalan berikut**

**Tingkatan 4: Unit 11**

**8.**

> Konsep 'Keluarga Malaysia' telah menjadi sebutan apabila ia diperkenalkan oleh Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan ia dianggap sebagai satu simbol kebersamaan yang inklusif dalam menghadapi krisis akibat pandemik COVID-19. 'Keluarga Malaysia' jelas menunjukkan kepentingan institusi keluarga dalam menghadapi situasi yang mencabar.
>
> *Sumber:: Facebook Jabatan Penerangan Malaysia (Diubahsuai)*

a) ***"Keluarga Malaysia" Teguh Bersama*** merupakan tema hari kemerdekaan negara kali ke-65. Sebagai rakyat Malaysia, apakah perasaan anda tentang tema pada tahun ini? Jelaskan strategi untuk mengekalkan keunikan masyarakat Malaysia. Justifikasikan jawapan anda berdasarkan nilai universal yang dipelajari.

[10 markah]

b) Huraikan cabaran dalam menerima, menghormati dan mengurus keunikan rakyat Malaysia. [10 markah]

**Tingkatan 4: Unit 12**

9.



Tugu Negara




Parlimen

a) Dua monumen ini dipilih sebagai identiti negara yang melambangkan kedaulatan negara.

i. Apakah perasaan anda apabila dapat mengenali identiti negara? [2 markah]

ii. Mengapakah anda patut menghormati lambang negara? [8 markah]

b) Usaha mengekalkan kedaulatan perlu dilaksanakan secara berterusan oleh rakyat negara ini bersama-sama dengan kerajaan. Namun begitu, pada era globalisasi kini, terdapat pelbagai cabaran yang boleh menggugat kedaulatan negara yang perlu dihadapi.

i. Berdasarkan nilai universal yang dipelajari, jelaskan **satu nilai universal** yang patut diamalkan oleh generasi muda kini untuk menghadapi pelbagai cabaran yang boleh menggugat kedaulatan negara. [2 markah]

ii.Huraikan **cabaran** yang boleh menggugat kedaulatan negara kita. [8 markah]

**PERATURAN PEMARKAHAN TINGKATAN 4**

**Bahagian B**
***Soalan Esei Pendek:***

| ***Soalan*** | ***Butiran*** | ***Markah*** |
|---|---|---|
| **6 - 7** | • Jawapan menunjukkan pemahahaman dan penghayatan yang **sangat** jelas<br>• Fakta yang **sangat** jelas,tepat dan lengkap (Minima 2 Fakta)<br>• Huraian **sangat** lengkap dan sesuai dengan situasi soalan<br>• Contoh **sangat** sesuai<br>• Pengolahan **sangat** terperinci dan teratur | **Aras 4**<br>**8 - 10** |
| | • Jawapan menunjukkan pemahahaman dan penghayatan yang jelas<br>• Fakta yang tepat dan lengkap(Minima 1 Fakta)<br>• Huraian yang lengkap dan sesuai dengan situasi soalan<br>• Contoh yang sesuai<br>• Pengolahan yang sistematik dan tersusun | **Aras 3**<br>**5 - 7** |
| | • Jawapan menunjukkan pemahahaman dan penghayatan yang masih jelas<br>• Fakta yang tepat<br>• Huraian ringkas tetapi masih sesuai<br>• Contoh yang terhad<br>• Pengolahan sederhana | **Aras 2**<br>**3 - 4** |
| | • Jawapan ringkas<br>• Fakta terhad<br>• Jawapan tanpa huraian lengkap<br>• Contoh tidak diberi | **Aras 1**<br>**1 - 2** |

| *Soalan* | *Isi/Huraian/Contoh* | *Markah* |
|---|---|---|
| **6** | • Memberikan barangan keperluan/makanan/pakaian<br>• Mendermakan wang/dana<br>• Membantu membaiki rumah yang rosak<br>• Membantu membersihkan rumah yang kotor akibat lumpur semasa banjir<br>• Membantu memberikan sokongan moral<br>• Menyertai anggota sukarelawan RELA/NGO menjaga keselamatan/kebajikan mangsa di pusat pemindahan sementara<br>• Membantu menjaga kebersihan di pusat pemindahan sementara<br>• Menyimpan dokumen-dokumen penting di tempat yang selamat<br>• Memberikan/menyediakan tempat tinggal sementara yang selesa<br>[Terima mana-mana jawapan munasabah] | **[Mak.10 m]** |
| **7** | Kesan kepada diri<br>• Menghadapi masalah kewangan<br>- Bebanan hutang yang tidak sepatutnya<br>- Terpaksa berhutang dengan bank/peminjam wang haram<br>- Nama disenaraihitamkan oleh pihak bank/muflis<br>- Tekanan perasaan<br>• Hidup tidak bahagia<br>- Tiada tabungan untuk kegunaan waktu kecemasan<br><br>Kesan kepada negara<br>• Meningkatkan kadar inflasi<br>- Pengeluaran barangan dan perkhidmatan yang dieksport boleh kehilangan daya saing<br>- Meningkatkan kadar barangan import | |

| | | |
|---|---|---|
| | - Pendapatan eksport menurun<br>- Ekonomi negara merosot<br>• Meningkatkan kadar keberhutangan dalam kalangan rakyat<br>- Taraf hidup rakyat menurun<br>• Barangan dibuang dan dibazirkan meningkat<br>- Meningkatkan kos pelupusan<br>- Perbelanjaan kerajaan meningkat<br><br>[Mana-mana jawapan munasabah] | **[Mak.10 m]** |

**Bahagian C**
***Soalan Esei Panjang:***

| *Soalan* | *Isi/Huraian/Contoh* | *Markah* |
|---|---|---|
| **8 (a), 8 (b)<br>9 (a), 9 (b)** | • Jawapan menunjukkan pemahahaman dan penghayatan yang **sangat** jelas dan tepat.<br>• Fakta yang **sangat** jelas,tepat dan lengkap (Minima 2 Fakta)<br>• Huraian **sangat** lengkap dan sesuai dengan situasi soalan<br>• Contoh **sangat** sesuai<br>• Pengolahan **sangat** terperinci dan teratur | **Aras 4<br>8-10** |
| | • Jawapan menunjukkan pemahahaman dan penghayatan yang jelas.<br>• Fakta yang tepat dan lengkap (Minima 1 Fakta)<br>• Huraian yang lengkap dan sesuai dengan situasi soalan<br>• Contoh yang sesuai<br>• Pengolahan yang sistematik dan tersusun | **Aras 3<br>5 - 7** |
| | • Jawapan menunjukkan pemahahaman dan penghayatan yang masih jelas.<br>• Fakta yang tepat<br>• Huraian ringkas tetapi masih sesuai | **Aras 2<br>3 - 4** |

| | | |
|---|---|---|
| | • Contoh yang terhad<br>• Pengolahan sederhana | |
| | • Jawapan ringkas<br>• Fakta terhad<br>• Jawapan tanpa  huraian lengkap<br>• Contoh tidak diberi | **Aras 1**<br>**1 - 2** |

| ***Soalan*** | ***Isi/Huraian/Contoh*** | ***Markah*** |
|---|---|---|
| **8(a)** | • Perasaan<br><br>Gembira<br>Bangga<br><br>Alasan:<br><br>• Malaysia adalah sebuah negara yang unik kerana memiliki rakyat yang pelbagai kaum.<br>• Kepelbagaian Malaysia yang unik tidak menghalang rakyat Malaysia untuk menerima dan menghormati norma dan budaya kaum lain.<br>• Kepelbagaian ini mewujudkan keharmonian dan keamanan serta menjadikan rakyat Malaysia unik di persada dunia.<br><br>[Mana- mana jawapan munasabah]<br><br>N1 Patriotisme<br>N2 Kerajinan<br>N3 Berdikari<br>N4 Keberanian<br>N5 Berterima Kasih<br>N6 Hormat<br>N7 Hemah tinggi<br>N8 Kebebasan | |

| | | |
|---|---|---|
| | **Diri**<br><br>• Menerima persamaan dan perbezaan serta menghormati keunikan kebudayaan yang diamalkan semua kaum.<br>• Menyertai bersama sambutan perayaan bersama kaum lain seperti memeriahkan suasana rumah terbuka.<br>• Menyertai sambutan bulan kemerdekaan yang dianjurkan oleh pelbagai pihak.<br>• Mencintai Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Melayu sebagai Bahasa komunikasi yang utama.<br>• Apabila Bersama kaum lain kita perlu menggunakan Bahasa Melayu sebagai perantaraan komunikasi antara satu sama lain.<br>• Menerima dan menghormati keunikan semua kaum.<br>• Menziarahi jiran yang sakit walaupun berlainan kaum.<br>• Bersama- sama menyertai aktiviti gotong royong di sekolah mahupun kawasan perumahan bagi mengeratkan hubungan antara satu sama lain.<br>• Tidak memandang rendah adat kepercayaan kaum lain agar keharmonian dan keamanan dapat dikukuhkan.<br>• Sekirannya jiran tetangga sedang mengadakan upacara keagaamaan kita hendaklah menghormati dan memberi laluan kepada jiran untuk menjalankan upacara tersebut sehingga selesai.<br>• Mengamalkan adat dan budaya dalam kehidupan harian agar identiti bangsa dapat diteruskan daripada generasi kepada generasi supaya tidak hanyut ditelan zaman.<br><br>**Ibu bapa**<br>• Ibu bapa ialah contoh yang paling hampir untuk anak-anak jadikan teladan.<br>- Mengamalkan adat dan budaya dalam keluarga. | |

| | | |
|---|---|---|
| | • Mendidik anak- anak supaya menerima kepelbagaian budaya di dalam negara untuk membentuk generasi yang berperibadi mulia.<br>- Membawa anak- anak untuk menyertai aktiviti kebudayaan yang melibatkan pelbagai kaum.<br>• Menerapkan kefahaman tentang kepentingan menjaga hubungan dengan kaum lain.<br>- Membenarkan/ memberi galakan kepada anak- anak untuk menyertai aktiviti yang melibatkan semua kaum di sekolah atau di rumah bersama jiran tetangga.<br>- Contoh, aktiviti bulan kemerdekaan, rumah terbuka, memberi bantuan kemanusiaan kepada mangsa banjir, gelandanggan yang memerlukan bantuan tanpa mengira kaum.<br><br>**Kerajaan**<br>• Kerajaan memainkan peranan penting dalam usaha mengekalkan keunikan rakyat Malaysia.<br>- Membanyakkan aktiviti kesenian dan kebudayaan peringkat sekolah.<br>• Memartabatkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.<br>- Sambutan program kebudayaan seperti program Citrawarna dan sambutan kemerdekaan yang disertai oleh pelbagai kaum dapat mengeratkan perpaduan antara masyarakat.<br>- Mewujudkan muzium mini kesenian dan kebudayaan.<br>• Mengadakan sambutan program kebahasaan.<br>- Pelbagai aktiviti dalam program Bulan Bahasa Kebangsaan dapat menarik penglibatan pelbagai kaum.<br>- Contoh, mengadakan pertandingan pidato peringkat antarabangsa dan pesta pantun.<br>[Terima mana- mana jawapan munasabah] | **[Mak.10 m]** |
| **8(b)** | • Cabaran Bahasa<br>- Bahasa merupakan elemen asas dalam membentuk interaksi dalam kalangan masyarakat Malaysia. | |

| | | |
|---|---|---|
| | - Kepelbagaian bahasa yang tidak dapat difahami oleh segelintir masyarakat.<br>- Menjejaskan komunikasi antara kaum<br>• Cabaran budaya luar<br>- Keadaan dunia yang serba canggih ini membolehkan penyerapan budaya barat mempengaruhi aspek ideologi, budaya hedonisme, dan nilai negatif yang mampu menghakis jati diri dan budaya kaum di Malaysia.<br>- Contohnya: Konsert daripada barat yang membawa element negatif yang mendapat sokongan daripada pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia.<br>- Perkembangan globalisasi menyebabkan keunikan rakyat Malaysia terjejas dengan nilai yang kurang baik dan penyerapan budaya luar ke dalam kehidupan generasi muda.<br>- Contohnya: Penggunaan media sosial tanpa kawalan yang akan mempengaruhi tingkah laku murid.<br>• Polarisasi kaum<br>- Kepelbagaian rakyat Malaysia menyebabkan ada antara individu cenderung dalam memilih rakan yang terdiri daripada kaum dan agama yang dianutinya sahaja.<br>- Keadaan ini semestinya akan menyukarkan lagi proses hubungan etnik di Malaysia.<br>- Pemupukan nilai untuk menaikkan semangat kekitaan pada negara Malaysia tidak dapat diterapkan dengan berkesan kerana wujud jurang antara kaum. Kesannya, mencetuskan konflik yang berpunca daripada sikap tidak menghormati perbezaan adat dan kepercayaan kaum lain.<br>• Cabaran Sosial<br>- Wujud perasan prasangka, perkauman dan etnosentrieme.<br>- Keadaan ini berlaku kerana ada dalam kalangan masyarakat lebih mementingkan kebudayaannya sendiri sehingga menimbulkan perasaan taasub terhadap budaya dan kaumnya sendiri. | |

| | | |
|---|---|---|
| | - Cabaran dan halangan daripada aspek sosial ini membataskan proses pemasyarakatan dan keharmonian masyarakat dalam negara.<br>*[Terima mana- mana jawapan yang munasabah]* | **[Mak.10 m]** |

| *Soalan* | | *Isi/Huraian/Contoh* | *Markah* |
|---|---|---|---|
| **9 (a)** | **i.** | Perasaan:<br>Gembira / Bangga | **[Mak.2 m]** |
| | **ii.** | • **Meningkatkan semangat patriotik**<br>- Cinta dan setia akan raja dan negara.<br><br>• **Maruah negara terpelihara**<br>- Tidak terpengaruh dengan anasir subversif.<br><br>• **Mengukuhkan perpaduan dan keharmonian rakyat Malaysia**<br>- Memberikan sumbangan kepada pembangunan negara. | **[Mak.8 m]** |
| **9 (b)** | **i.** | N1 Patriotisme<br>N2 Bertanggungjawab<br>N3 Hormat<br>N4 Kerjasama<br>N5 Keberanian | **[Mak.2 m]** |
| | **ii.** | • Penularan berita yang menggugat kedaulatan negara.<br>• Taraf ekonomi dan sosial yang tidak seimbang dalam kalangan rakyat.<br>• Generasi muda yang kurang semangat patriotik terhadap negara.<br>• Tindakan kuasa besar yang mencabar kedaulatan negara. | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | • Rakyat kurang jati diri dan mudah terpedaya dengan hasutan dalam dan luar negara. | **[Mak.8 m]** |

**Bahagian B [ 10 markah ]**

**Jawab soalan berikut**

**Tingkatan 5: Unit 4**

6. Poster berikut berkaitan dengan penipuan jenayah siber.




(Sumber: https://www.skmm.com)

Berdasarkan perkara di atas, bagaimanakah individu boleh mengelakkan diri daripada menjadi mangsa jenayah siber? [10 markah]

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

**Tingkatan 5: Unit 8**

7. Gambar menunjukkan penglibatan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat dalam usaha membina semula rumah mangsa yang kehilangan tempat tinggal dalam kejadian kepala air di Kupang, Baling, Kedah pada 4 Julai lalu.



(Sumber : Internet)

Huraikan kepentingan program komuniti sedemikian dalam menjamin kesejahteraan hidup rakyat. [10 markah]

**Bahagian C *[ 20 markah ]***

***Jawab soalan berikut.***

**Tingkatan 5: Unit 9**

8. Gambar di bawah menunjukkan kerjasama antara negara ASEAN dalam menangani masalah kesihatan global.




(Sumber: Diubahsuai daripada *antaranews.com,* 15 April 2020)

a) Huraikan kepentingan program tersebut kepada negara anggota.
Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai universal yang dipelajari.

[10 markah]

b) Terangkan cabaran yang bakal dihadapi oleh masyarakat dunia dalam menjayakan program tersebut.

[10 markah]

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

**Tingkatan: Unit 12**

9. Rajah di bawah adalah berkaitan dengan kepentingan mengekalkan hubungan antara Malaysia dengan negara luar.




a) Berdasarkan rajah tersebut, huraikan kepentingan dalam bidang tersebut bagi memelihara kerjasama bersama antara Malaysia dengan negara luar.

Huraian hendaklah berdasarkan nilai-nilai universal yang telah dipelajari.

[10 markah]

b) Banyak cabaran perlu dihadapi oleh negara Malaysia untuk mengekalkan hubungan dengan negara luar. Semua cabaran ditangani dengan berhati-hati agar dapat menjalinkan kerjasama dan persefahaman yang sempurna pada peringkat dunia.

Jelaskan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam mengekalkan hubungan antarabangsa. [10 Markah]

**PERATURAN PEMARKAHAN TINGKATAN 5**

**Bahagian B**
***Soalan Esei Pendek:***

| *Soalan* | *Butiran* | *Markah* |
|---|---|---|
| **6 - 7** | • Jawapan menunjukkan pemahaman dan penghayatan yang **sangat** jelas.<br>• Fakta yang **sangat** jelas, tepat dan lengkap. (Minima 2 Fakta)<br>• Huraian **sangat** lengkap dan sesuai dengan situasi soalan.<br>• Contoh **sangat** sesuai.<br>• Pengolahan **sangat** terperinci dan teratur. | **Aras 4**<br>**8 - 10** |
| | • Jawapan menunjukkan pemahaman dan penghayatan yang jelas.<br>• Fakta yang tepat dan lengkap. (Minima 1 Fakta)<br>• Huraian yang lengkap dan sesuai dengan situasi soalan.<br>• Contoh yang sesuai.<br>• Pengolahan yang sistematik dan tersusun. | **Aras 3**<br>**5 - 7** |
| | • Jawapan menunjukkan pemahaman dan penghayatan yang masih jelas.<br>• Fakta yang tepat.<br>• Huraian ringkas tetapi masih sesuai.<br>• Contoh yang terhad.<br>• Pengolahan sederhana | **Aras 2**<br>**3 - 4** |
| | • Jawapan ringkas.<br>• Fakta terhad.<br>• Jawapan tanpa huraian lengkap.<br>• Contoh tidak diberi. | **Aras 1**<br>**1 - 2** |

| *Soalan* | *Isi/Huraian/Contoh* | *Markah* |
|---|---|---|
| **6** | • Berfikir kesan mendedahkan maklumat peribadi kepada pihak luar<br>• Tidak mudah terpengaruh dengan mesej/ panggilan daripada pihak luar<br>• Jangan klik/ tekan pada pautan yang diberi oleh orang yang tidak dikenali<br>• Sentiasa memeriksa kesahihan/ kebenaran mesej/ panggilan yang diterima<br>• Berhati-hati dalam urusan pembelian secara dalam talian<br>• Tidak bertindak terburu-buru dengan tawaran istimewa menerusi internet<br>• Memastikan sumber perolehan mesej yang diterima<br>• Sentiasa membuat rujukan di laman sesawang<br><br>[Terima mana-mana jawapan munasabah] | **[Mak.10 m]** |
| **7** | • Membina jalinan kerjasama yang berterusan<br>- mewujudkan semangat kekitaan dan kerja berpasukan<br>- dapat menjimatkan masa dan tenaga<br>- dapat membantu mangsa dengan kadar yang segera<br><br>• Mampu menangani cabaran dalam negara<br>- menyumbang kepada pembangunan negara<br>- dapat membantu mengurangkan perbelanjaan kerajaan<br>- Kerajaan boleh mengunakan duit/ peruntukan tersebut untuk pembangunan yang lain<br><br>• Memupuk semangat patriotik dan perpaduan dalam kalangan masyarakat<br>- penglibatan masyarakat tanpa mengira kaum<br>- keharmonian dan kesejahteraan masyarakat pelbagai kaum terjamin<br>- keamanan dan kestabilan politik negara juga tidak akan tergugat | **[Mak.10 m]** |

| | | |
|---|---|---|
| | [Terima mana-mana jawapan munasabah] | |

**Bahagian C**
***Soalan Esei Panjang:***

| ***Soalan*** | ***Butiran*** | ***Markah*** |
|---|---|---|
| **8 (a), 8 (b)**<br>**9 (a), 9 (b)** | • Jawapan menunjukkan pemahaman dan penghayatan yang **sangat** jelas.<br>• 2 nilai universal yang **sangat** sesuai dengan situasi. ***Sekiranya soalan meminta nilai universal.*<br>• Fakta yang **sangat** jelas, tepat dan lengkap. (Minima 2 Fakta)<br>• Huraian **sangat** lengkap dan sesuai dengan situasi soalan.<br>• Contoh **sangat** sesuai.<br>• Pengolahan **sangat** terperinci dan teratur. | **Aras 4**<br>**8 - 10** |
| | • Jawapan menunjukkan pemahaman dan penghayatan yang jelas.<br>• 1 nilai universal yang sesuai dengan situasi. ***Sekiranya soalan meminta nilai universal.*<br>• Fakta yang tepat dan lengkap. (Minima 1 Fakta)<br>• Huraian yang lengkap dan sesuai dengan situasi soalan.<br>• Contoh yang sesuai.<br>• Pengolahan yang sistematik dan tersusun. | **Aras 3**<br>**5 - 7** |
| | • Jawapan menunjukkan pemahaman dan penghayatan yang masih jelas.<br>• Fakta yang tepat.<br>• Huraian ringkas tetapi masih sesuai.<br>• Contoh yang terhad.<br>• Pengolahan sederhana | **Aras 2**<br>**3 - 4** |
| | • Jawapan ringkas.<br>• Fakta terhad.<br>• Jawapan tanpa huraian lengkap.<br>• Contoh tidak diberi. | **Aras 1**<br>**1 - 2** |

| *Soalan* | *Isi/Huraian/Contoh* | *Markah* |
|---|---|---|
| **8 (a)** | N1 Kerjasama<br>N2 Bertanggungjawab<br>N3 Rasional<br>N4 Hormat<br><br>• Program ini dapat mengeratkan hubungan antara dua negara<br>• Mengelakkan penyakit menular<br>• Dapat hidup selesa<br>• Sama-sama mencari kaedah melawan penyakit<br>• Bertukar-tukar teknologi<br>• Dapat membuka minda dari segi pemikiran<br>• Lebih berinisiatif /peka terhadap isu-isu antarabangsa.<br><br>[Terima mana-mana jawapan munasabah] | **[Mak.10 m]** |
| **8 (b)** | • Kekurangan saintis dalam menangani penyakit baharu<br>• Tidak mendapat pendedahan dunia<br>• Penyakit merebak terlalu cepat<br>• Menyebabkan banyak kematian<br>• Masyarakat dunia panik<br>• Bertindak di luar batasan /tekanan mental<br>• Masyarakat tidak mahu ambil peduli<br>• Tidak mengambil serius dan pandang mudah<br>• Kekurangan sumber kewangan (kos tinggi)<br>• Negara ASEAN kekurangan sumber kewangan<br>• Masyarakat dunia yang menolak vaksin<br>• Menganggap vaksin sebagai pembunuh bukan penyembuh<br><br>[Terima mana-mana jawapan munasabah] | **[Mak.10 m]** |
| **9 (a)** | N1 Hormat<br>N2 Kerjasama<br>N3 Bertanggungjawab | |

| | | |
|---|---|---|
| | • **Memperkukuhkan jalinan diplomatik dan hubungan politik**<br>- Perdana menteri Malaysia memelihara kedaulatan negara dengan memupuk hubungan diplomatik yang baik dengan negara luar.<br>- Lawatan diplomatik akan meningkatkan imej negara sebagai negara yang mementingkan keamanan di peringkat antarabangsa<br>- Contohnya, Perdana menteri melawat negara Turkiye dan Indonesia bagi memperkasakan hubungan dengan negara ASEAN dan Eropah<br>• **Memperkembangkan sektor ekonomi negara**<br>- Memperkembangkan pendapatan negara menerusi hubungan perdagangan di peringkat global<br>- Perkembangan ekonomi pesat membuka peluang pekerjaan kepada rakyat dan berlakunya perkongsian teknologi serta kepakaran sekaligus menarik minat pelabur asing ke negara<br>- Contohnya, Malaysia dapat menarik minat pelabur asing dari Jepun untuk sektor kesihatan, pembuatan peralatan perubatan, teknologi digital dan industri makanan halal.<br><br>• **Menjamin keamanan dan keselamatan negara dan serantau**<br>- Hubungan dua hala dapat membina dunia yang selamat dan saling membantu mencegah jenayah antarabangsa<br>- Ini sekaligus dapat menjamin keamanan negara masing-masing<br>- Contohnya, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentara Nasional Indonesia Angkatan Laut (TNI AL) melakukan latihan bersama bagi | |

| | | |
|---|---|---|
| | meningkatkan kemampuan taktik, teknik dan prosedur operasi pertempuran<br>• **Memajukan bidang sains dan teknologi**<br>- Kerjasama antara dua negara memastikan kemajuan teknologi negara setanding negara luar melalui pertukaran teknologi<br>- Perkongsian ini dapat meningkatkan pemikiran rakyat bagi melahirkan masyarakat yang berinovatif dalam memperkasakan bidang baharu dalam negara<br>- Contohnya, industri pembuatan kereta nasional, Proton dan industri pengangkutan seperti LRT<br>• **Meningkatkan kualiti pendidikan bertaraf dunia**<br>- Kerjasama antara universiti tempatan dengan universiti antarabangsa mampu meningkatkan inovasi pendidikan<br>- Contohnya, kerjasama antara negara membolehkan berlakunya pertukaran pelajar serta penawaran biasiswa bidang baharu di negara luar serta perkongsian kajian penyelidikan antara universiti<br>[Terima mana-mana jawapan munasabah] | **[Mak.10 m]** |
| **9 (b)** | • **Cabaran perbezaan agama**<br>- Aspek sensitiviti agama yang berbeza perlu dijaga agar tidak berlaku ketegangan antara negara sekiranya tak diurus dengan baik<br>• **Cabaran perbezaan ideologi**<br>- Malaysia melaksanakan Dasar Luar Negara yang bebas, berprinsip dan pragmatik, berasaskan nilai keamanan, kemanusiaan, keadilan dan kesaksamaan.<br>- Malaysia menghormati perbezaan ideologi setiap negara dan mengambil pendirian berhati-hati dan meneliti perkembangan semasa. | |

| | | |
|---|---|---|
| | - Contohnya, negara tidak memihak pada mana-mana negara dijajahi kumpulan penganas.<br>• **Cabaran kepelbagaian budaya dan bahasa**<br>- Aspek bahasa yang berbeza menyukarkan kominukasi serta budaya yang lari dari norma masyarakat negara kita<br>- Contohnya, budaya LGBT yang bercanggah dengan budaya ketimuran negara serta penguasaan bahasa asing seperti Bahasa Inggeris yang masih rapuh<br><br>• **Kedudukan geografi negara**<br>- Konflik negara tentang persempadanan kawasan yang menjadi rebutan<br>- Perebutan-perebutan meliputi sempadan wilayah kelautan dan kepulauan yang masing-masing melibatkan sejumlah negara yang berbeza<br>- Contohnya, Pulau Sipadan dan Ligitan antara Malaysia dengan Indonesia<br>[Terima mana-mana jawapan munasabah] | **[Mak.10 m]** |



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

MUNA 012 - 452 9714